



PERTANDINGAN MELUKIS KARTUN MENGENAI HAK KEPADA PENDIDIKAN
BERTEMAKAN 'PENDIDIKAN UNTUK SEMUA' ANJURAN
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

SYARAT-SYARAT AM PERTANDINGAN

1. Hasil karya lukisan hendaklah asli dan berdasarkan kreativiti pelukis bertemakan **"Pendidikan Untuk Semua"**.
2. Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia mengikut kategori berikut:
 - I. Kategori kanak-kanak: 17 tahun dan ke bawah;
 - II. Kategori terbuka: 18 tahun dan ke atas.
3. Kakitangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) serta ahli keluarganya **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai peraduan ini.
4. Peraduan ini bermula pada **30 OGOS 2022** sehingga **30 NOVEMBER 2022**. Pihak penganjur berhak melanjutkan tarikh tutup peraduan pada bila-bila masa yang dirasakan perlu.
5. Setiap penyertaan akan ditapis dan dinilai melalui satu Jawatankuasa Saringan, Penilaian dan Pemarkahan. Segala keputusan yang dibuat oleh panel penilaian adalah **MUKTAMAD**.
6. Penilaian akan dilaksanakan oleh sekretariat dan juri awam melalui penelitian terhadap beberapa aspek dalam penghasilan karya lukisan. Kriteria-kriteria yang diambil kira adalah seperti berikut:
 - I. Menepati tema
 - II. Interpretasi / konsep
 - III. Keaslian / kreativiti
 - IV. Gubahan / kekemasan
 - V. Teknik medium

CARA-CARA PENYERTAAN

7. Peserta yang ingin menyertai pertandingan ini dikehendaki mengisi borang seperti yang terdapat di **Lampiran A**. Borang penyertaan hendaklah disertakan bersama-sama hasil karya lukisan masing-masing.
8. Setiap peserta boleh menghantar maksimum **DUA (2)** hasil karya lukisan dan hanya satu yang terbaik akan dipilih.
9. Peserta boleh menghantar hasil karya lukisan dalam bentuk digital atau cetakan kertas mengikut spesifikasi berikut:

I. Lukisan Digital

- Lukisan yang **diimbias (scanned)** atau **digital penuh (fully digital)** hendaklah menggunakan **resolusi tinggi (high resolution)** sekurang-kurangnya **300 DPI** dan ke atas.
- Hasil karya lukisan hendaklah dalam format **JPEG**.

ATAU;

II. Lukisan Cetakan Kertas

- Kategori kanak-kanak – lukisan/kanvas berukuran saiz A3.
 - Kategori dewasa – lukisan/kanvas berukuran A2 atau A3.
 - Pilihan medium melukis (termasuk campuran) adalah bebas; *water colour, poster colour, gouache, oil paint, charcoal, pastel painting, coloured pencils*, dan lain-lain peralatan melukis yang bersesuaian.
10. Hasil karya lukisan boleh dihantar melalui emel, pos atau secara walk-in ke Pejabat SUHAKAM, Kuala Lumpur. Butiran alamat penghantaran adalah seperti berikut:

Sekretariat Pertandingan Melukis Kartun

Tingkat 11, Menara TH Perdana,

1001, Jalan Sultan Ismail,

50250 Kuala Lumpur.

No. Tel: **03 – 2612 5600**

Emel: sekretariat@suhakam.org.my

11. Sekiranya saiz lampiran yang dihantar melebihi kapasiti storan bagi penghantaran secara emel, peserta boleh menghantar pautan *cloud storage* (Google Drive, One Drive, atau lain-lain aplikasi yang bersesuaian) sendiri kepada sekretariat, atau menghubungi sekretariat pertandingan untuk mendapatkan bantuan teknikal.

TANGGUNGJAWAB PESERTA

12. Peserta hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sama ada sebelum, semasa atau selepas karya lukisan yang dihasilkan. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang liabiliti atau tuntutan akibat pelanggaran hasil hakcipta daripada pihak lain.
13. Hasil karya lukisan hendaklah tidak mengandungi unsur-unsur sentimen yang bersifat perkauman, politik serta isu-isu yang menyentuh sensitiviti masyarakat.
14. Berikutan pelaksanaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, peserta dengan ini memberikan kebenaran kepada pihak SUHAKAM untuk menggunakan semua maklumat penyertaan untuk kegunaan pihak penganjur.

HAKCIPTA KARYA LUKISAN

15. Setiap penyertaan yang dihantar akan menjadi hak milik penganjur dan tidak akan dikembalikan.
16. Penganjur berhak sepenuhnya untuk menerbitkan, mengeluarkan, memapar, mengedar, menyunting dan menayangkan mana-mana penyertaan hasil karya lukisan pada laman sesawang rasmi SUHAKAM, pameran, media sosial rasmi SUHAKAM serta cetakan secara fizikal atas tujuan promosi oleh pihak penganjur sama ada di dalam atau luar negara; nama pengkarya akan dipaparkan sebagai penghargaan.
17. Peserta berhak menggunakan karya berkenaan dalam mana-mana penerbitan dan penganjur menganggap tiada tanggungjawab tersurat atau tersirat dengan penerbitan karya berkenaan.

HAK PENGANJUR

18. Selaku penganjur pertandingan ini, SUHAKAM berhak mutlak untuk mengkaji dan mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini pada bila-bila masa. Peserta tidak boleh menggunakan proses mahkamah untuk mengkaji keputusan SUHAKAM.
19. Pihak penganjur berhak untuk menolak sebarang penyertaan yang tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan.

- TAMAT -



**PERTANDINGAN MELUKIS KARTUN MENGENAI HAK KEPADA PENDIDIKAN
BERTEMAKAN 'PENDIDIKAN UNTUK SEMUA' ANJURAN
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**

A. BUTIRAN PESERTA:

Nama (seperti di dalam KP):

No. Kad Pengenalan: Kategori: (A) Dewasa / (B) Kanak-kanak

Umur: Tarikh Lahir: Pekerjaan:

Alamat Emel: No. Tel (Rumah / Tel. Bimbit):

Alamat (Surat-menyurat):

.....

B. BUTIRAN LUKISAN/KARYA:

Tajuk Lukisan/Karya: Nama pena (sekiranya ada):

C. PELEPASAN PENGESAHAN (DISCLAIMER)

Bersempena dengan penyertaan saya untuk Pertandingan Melukis Kartun bertemakan "Pendidikan Untuk Semua" anjuran SUHAKAM, saya dengan ini mengesahkan bahawa:

- I. Saya ialah pemilik hakcipta yang sah bagi idea serta lukisan yang dikemukakan.
- II. Saya memberikan hak mutlak kepada SUHAKAM ke atas lukisan yang dikemukakan dengan izin untuk menerbit semula serta menggunakan idea tema dan lukisan yang dikemukakan untuk kegunaan SUHAKAM.
- III. Saya tidak akan membuat sebarang tuntutan pihak ketiga atau tuntutan undang-undang terhadap SUHAKAM hasil daripada penyertaan saya.
- IV. Bahawa saya telah faham dan menerima sepenuhnya syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan untuk pertandingan tersebut.

.....
Tandatangan

.....
Tarikh

Borang yang telah diisi lengkap hendaklah dihantar bersama dengan hasil karya lukisan kepada:

Sekretariat Pertandingan Melukis
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
Tingkat 11, Menara TH Perdana,
50250 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03 – 2612 5600 | Emel: sekretariat@suhakam.org.my